

1065- CADANGAN PENAMBAHBAIKAN BIDANG KUASA MENDENGAR RAYUAN DI MAHKAMAH SYARIAH

MOHD AFIZUL HAKIM IBAKARIM

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

afizulhakim@gmail.com

MOHD AL ADIB SAMURI

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

a1_adib@ukm.edu.my

ABSTRAK

Mahkamah syariah di Malaysia telah diperuntukan oleh undang-undang berkaitan bidang kuasa rayuan. Setiap hirarki mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan masing-masing. Namun, apabila dikaji secara mendalam, bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah ini adalah sangat terhad. Justeru, kertas kerja ini dilakukan untuk meneliti bidang kuasa mendengar rayuan yang terdapat di mahkamah syariah dan mengkaji cadangan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan menurut perspektif pengamal undang-undang syariah. Kertas kerja ini menggunakan kaedah temu bual separa struktur dengan menemu bual dua orang Hakim Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak, dua orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM, dua orang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, dua orang Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, dua orang Peguam Syarie, seorang Ketua Penolong Pengarah dari Bahagian Kehakiman Syariah dan Undang-Undang Islam, Jabatan Peguam Negara dan seorang Ketua Penolong Pengarah dari Seksyen Rayuan JKSM di lima buah negeri di Malaysia. Sementara itu, dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah tematik dan deskriptif. Hasil kajian menunjukkan mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah, rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah dan rayuan dari Mahkamah Rayuan Syariah ke Mahkamah Utama Syariah khusus di Negeri Perak. Sementara itu, pengamal undang-undang syariah memberikan lima cadangan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah. Justeru, kertas kerja ini penting untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pengamal undang-undang syariah di Malaysia bagi melaksanakan bidang kuasa rayuan tersebut.

Kata kunci: Rayuan, bidang kuasa mendengar, perspektif pengamal undang-undang syariah, mahkamah syariah, cadangan penambahbaikan

PENGENALAN

Dalam sistem kehakiman di Malaysia, terdapat dua bentuk sistem kehakiman, iaitu sistem kehakiman di mahkamah sivil dan satu lagi sistem kehakiman di mahkamah syariah, kedua-dua sistem kehakiman tersebut mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan yang berbeza. Di mana mahkamah sivil mempunyai empat peringkat rayuan, iaitu dari Mahkamah Majistret ke Mahkamah Seksyen, Mahkamah Seksyen ke Mahkamah Tinggi, dan Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan, serta yang terakhir dari Mahkamah Rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Manakala, di Mahkamah Syariah pula kecuali di negeri Perak terdapat dua peringkat rayuan iaitu rayuan dari Mahkamah Rendah Sariah ke Mahkamah Tinggi Syariah dan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke

Mahkamah Rayuan Syariah. Berbeza pula di negeri Perak, satu-satunya negeri di Malaysia mempunyai tiga peringkat rayuan di Mahkamah Syariah iaitu rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah dan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah serta dari Mahkamah Rayuan Syariah ke Mahkamah Utama Syariah.

Setiap peringkat mahkamah mempunyai bidang kuasa rayuan masing-masing sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam enakmen pentadbiran dan enakmen mahkamah syariah negeri-negeri (Khairul Nizzam, 2022). Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk melihat struktur, bidang kuasa mendengar rayuan yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003) dan Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 serta cadangan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah dari perspektif pengamal undang-undang syariah.

Kajian terdahulu yang dibuat oleh Hussin Che Pa (2016) telah membincangkan tentang bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah dan kesan pindaan Perkara 121(1A) dengan membuat analisis terhadap perkembangan awal hingga terkini Mahkamah Syariah. Selain itu, kajian Mohd Sabree Nasri (2018) menjelaskan tentang kerelevan Akta 355 serta meneliti perkembangan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah di Malaysia pada masa kini. Sekiranya dilihat pada kajian lepas, tidak mengkhususkan kepada bidang kuasa mendengar rayuan di Mahkamah Syariah dan cadangan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah dari perspektif pengamal undang-undang syariah yang hendak dibincangkan oleh penulis dalam kertas kerja ini.

Sehubungan itu, kertas kerja ini akan membincangkan kelompongan tersebut dengan melihat sejauh mana bidang kuasa mendengar rayuan yang ditetapkan oleh undang-undang dan perspektif pengamal undang-undang syariah berkaitan cadangan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah. Dalam pada itu, kertas kerja ini akan memberi buah fikiran kepada pengamal undang-undang syariah bahawa terdapat prospek untuk membuat penambahbaikan berkaitan bidang kuasa rayuan di mahkamah syariah. Oleh itu, kertas kerja ini akan menunjukkan bidang kuasa mendengar rayuan di setiap hirarki mahkamah syariah dan beberapa cadangan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan dari perspektif informan kajian.

METODOLOGI

Kertas kerja ini menerapkan kajian kualitatif berbentuk kajian kes yang meneliti cadangan penambahbaikan berkaitan bidang kuasa rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Mahkamah Syariah dipilih kerana telah diperuntukan bidang kuasa mendengar rayuan, khususnya di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri-Negeri. Manakala informan kajian ini terdiri daripada empat belas orang pengamal undang-undang syariah yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Peguam Syarie dan tiga orang pegawai yang masing-masing mewakili Jabatan Peguam Negara, Seksyen Rayuan JKSM dan Pengarah Bahagian Penyelidikan Mahkamah Syariah di lima buah negeri di Malaysia. Mereka dipilih berdasarkan kepada pengalaman mereka yang pernah memutuskan atau menguruskan prosiding rayuan di mahkamah syariah masing-masing. Negeri-negeri tersebut dipilih mengikut zon di semenanjung Malaysia, iaitu

zon Tengah (Selangor dan Wilayah Persekutuan), zon Selatan (Johor), zon pantai timur (Terengganu) dan zon utara (Perak) serta zon borneo (Sarawak). Ini kerana zon-zon ini dianggap meliputi keseluruhan semenanjung Malaysia.

Pengumpulan data kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa struktur dengan menemu bual 14 orang informan kajian. Data dikumpulkan daripada enakmen mahkamah Syariah yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sementara itu, dapatan kajian pula dianalisis menggunakan kaedah tematik dan deskriptif. Pada peringkat awal, data mentah kajian ditranskripsi satu persatu berdasarkan setiap patah perkataan yang disebut oleh informan kajian. Data seterusnya dikumpulkan dalam beberapa kumpulan dan dibentuk menjadi sub-tema yang difahami. Kemudiannya, data dianalisis berdasarkan setiap sub-tema yang dibentuk menggunakan kaedah deskriptif.

KAJIAN LITERATUR

Secara umumnya, bidang kuasa rayuan dalam kehakiman Islam dikenali sebagai *diwān al-mazālim* yang telah ditubuhkan di bawah kerajaan Abbasiyah dan diberi kuasa untuk menerima dan membicarakan aduan terhadap pegawai kerajaan. Tujuan bidang kuasa ini adalah untuk meneliti semula keputusan hakim apabila terdapat rayuan daripada pihak yang terkilan. Asal usul bidang kuasa ini dapat dilihat pada zaman Rasulullah SAW yang melantik Rashid ibn Abd Allah untuk membicarakan aduan terhadap pegawai kerajaan. Walau bagaimanapun, pada zaman Umayyad, khalifah al-Rashid sendiri hadir di mahkamah pada hari tertentu untuk mendengar aduan dan membicarakan rayuan (Al-Māwardī, 1901). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pembentukan bidang kuasa telah mencerminkan keperluan badan kehakiman terhadap kuasa penuh dan boleh bertindak secara bebas bagi menjamin kerajaan di bawah kedaulatan undang-undang. Oleh itu, bahagian ini bertujuan untuk meninjau penulisan-penulisan yang telah diterbitkan oleh para penulis perundungan berhubung dengan bidang kuasa di mahkamah syariah, khususnya yang merujuk kepada rayuan.

Penulisan Mohd Sabree Nasri (2018) memfokuskan kepada kerelevan Akta 355 dan meneliti perkembangan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah di Malaysia pada masa kini. Hasil penulisan mendapat terdapat kewajaran untuk meminda Akta 355 dan had hukuman yang sedia ada perlu digunakan secara maksima oleh negeri-negeri. Namun, mempunyai halangan dan cabaran dalam melaksanakannya. Walau bagaimanapun, penulisan ini hanya menjelaskan bidang kuasa mendengar dalam perkara jenayah di Mahkamah Syariah di Malaysia tanpa membincangkan bidang kuasa mendengar rayuan di Mahkamah Syariah.

Penulisan Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad (2008) membincangkan kepada bidang kuasa mendengar hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Penulisan ini turut membincangkan isu-isu utama berkaitan bidang kuasa hibah berdasarkan kepada undang-undang yang berkaitan, peruntukan dan kes-kes yang dilaporkan serta pandangan beberapa orang yang pakar dalam kajian ini. Hasil penulisan mendapat bahawa bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes berkaitan hibah adalah berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi menentukan status kesahan hibah dan penentuan takat bahagian serta penarikan (pembatalan) hibah. Namun, penulisan ini hanya menjelaskan bidang kuasa mendengar dalam perkara hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia dan tidak membincangkan bidang kuasa mendengar rayuan di Mahkamah Syariah.

Kajian Mohamed Azam Bin Mohamed Adil (2000) memfokuskan tentang pengambilan bidang kuasa Mahkamah Sivil ke atas perkara-perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan menganalisis isu-isu berkaitan kes yang diputuskan baru-baru ini. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat campur tangan bidang kuasa Mahkamah Sivil ke atas bidang kuasa Mahkamah Syariah berkaitan kes-kes tertentu. Namun, kajian ini hanya menjelaskan arah bidang kuasa dan kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20 dan tidak membincangkan bidang kuasa mendengar rayuan di Mahkamah Syariah.

Kajian Hussin Che Pa, Nasrul Hisyam Nor Muhammad, Suhaimi Mustar membincangkan tentang bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah dan kesan pindaan Perkara 121(1A) dengan membuat analisis terhadap perkembangan awal hingga terkini Mahkamah Syariah. Hasil kajian mendapati bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa eksklusif di dalam perlembagaan berdasarkan pindaan Perkara 121 (1A) iaitu Mahkamah Sivil tidak boleh mencampuri urusan Mahkamah Syariah, namun konflik undang-undang sivil dan syariah masih berterusan sehingga kini. Pengkaji telah mengemukakan cadangan bagi mengukuhkan lagi bidang kuasa Mahkamah Syariah selaras dengan pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan. Namun, kajian ini tidak membincangkan bidang kuasa mendengar rayuan di Mahkamah Syariah.

Penulisan Jasri Jamal (2017) memfokuskan keluasan skop hukuman takzir pada zaman awal Islam sehingga kini di mahkamah syariah. Penulisan juga melihat kepada faktor yang menghalang transformasi bidang kuasa serta kaedah penyelesaiannya bidang kuasa hukuman takzir ini ke suatu tahap yang lebih baik. Hasil kajian mendapati Para fuqaha telah membincangkan dengan teliti dan panjang lebar tentang kaedah pelaksanaan pelbagai bentuk hukuman takzir dan sudah tiba masanya institusi kehakiman syariah di negara ini perlu berubah. Namun, kajian ini hanya menjelaskan tentang penilaian semula bidang kuasa hukuman takzir mahkamah syariah di Malaysia dan tidak membincangkan bidang kuasa mendengar rayuan di Mahkamah Syariah.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN: BIDANG KUASA MENDENGAR RAYUAN DI MAHKAMAH SYARIAH DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Mahkamah syariah mempunyai tiga heirarki iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah (Perak). Bagi hierarki yang mendengar rayuan pula adalah Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah (Perak). Tujuan utama penyusunan hirarki Mahkamah Syariah di Malaysia sebagaimana susunan Mahkamah Sivil pada masa kini adalah untuk kelincinan pentadbiran dan pengurusan seperti memudahkan agihan kes-kes perbicaraan mengikut bidang kuasa serta bagi tujuan rayuan (Ahmad Hidayat Buang, 2021). Ini termasuk juga idea penyelarasan keputusan kes-kes sungguhpun secara teorinya setiap hakim berhak membuat keputusannya sendiri tanpa terikat dengan mana-mana orang sekalipun seperti yang berlaku pada masa dahulu (Muhammad Hashim Kamali, 1990).

Struktur Rayuan di Mahkamah Syariah

Pentadbiran Agama Islam bagi negeri-negeri di Malaysia telah memperuntukkan kuasa bagi penubuhan Mahkamah Syariah bagi setiap negeri. Pelantikan Hakim Syarie di dalam enakmen juga telah menjelaskan beberapa peringkat mahkamah yang mempunyai punca

kuasa rayuan yang terdapat di dalam hierarki sesebuah Mahkamah Syariah serta bidang kuasa yang digunakan oleh mahkamah tersebut. Di dalam setiap negeri di Malaysia, peringkat mahkamah yang mendengar rayuan di setiap Mahkamah Syariah adalah dua peringkat kecuali di negeri Perak sebanyak tiga peringkat. Secara umumnya peringkat-peringkat tersebut dikategorikan seperti berikut:

- a) Rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah,
- b) Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah, dan
- c) Mahkamah Rayuan Syariah ke Mahkamah Utama Syariah (Perak)

Mahkamah Syariah dipisahkan daripada organisasi Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan bebas dari segi pengurusan pentadbiran dan sebagainya pada tahun 1996. Mahkamah syariah secara pentadbiran diketuai oleh seorang Ketua Hakim Syarie dengan dibantu oleh Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ketua Pendaftar, Tuan-Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pegawai Suhu, Pendaftar, Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah dan kakitangan yang lain (Mohd Nadzri bin Abd Rahman, 2010). Secara umumnya, peringkat mahkamah syariah yang mendengar rayuan di Malaysia dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Mahkamah peringkat tertinggi iaitu Mahkamah Tinggi Syariah di setiap negeri juga berfungsi sebagai ibu pejabat yang menjalankan pentadbiran dan diketuai oleh seorang Ketua Hakim Syarie negeri. Mahkamah ini juga berfungsi mendengar kes-kes yang di bawah bidang kuasanya termasuk kes-kes yang dirayu dari Mahkamah Rendah Syariah.
2. Mahkamah peringkat rayuan iaitu:
 - a) Mahkamah Rayuan Syariah yang diketuai oleh seorang pengurus dan dua orang anggota panel rayuan terdiri daripada hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik oleh Majlis menjadi anggota sesuatu prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah negeri-negeri.
 - b) Pengurus jawatankuasa rayuan atau Mahkamah Rayuan Syariah ini berbeza identitinya di antara negeri-negeri gunasama dan tidak gunasama. Di kebanyakan negeri-negeri tidak gunasama seperti Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Kedah pengurusnya ialah Ketua Hakim Syarie Negeri dan dibantu oleh dua orang panel rayuan. Di negeri Perak pula, seksyen 11 (4) menyebut Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik seorang daripada kalangan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagai pengurus Mahkamah Rayuan Syariah. Manakala Mahkamah Rayuan Syariah bagi negeri-negeri gunasama persekutuan seperti negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Sabah pula diketuai oleh seorang Ketua Hakim Syarie di peringkat Kebangsaan yang merangkap sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, yang berfungsi sebagai pegawai tertinggi di dalam sistem kehakiman syariah di Malaysia. Ketua Pengarah adalah merupakan Ketua Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang terdiri dari beberapa orang Hakim Mahkamah Rayuan yang beribu pejabat di Wilayah Persekutuan Putrajaya (Mohd Nadzri bin Abd Rahman, 2010).
3. Mahkamah peringkat Utama Syariah (Perak) iaitu:

- a) Sesuatu rayuan dalam Mahkamah Utama Syariah diketuai oleh seorang pengurus iaitu Ketua Hakim Syarie dan dibantu oleh dua orang Hakim Mahkamah Utama Syariah dalam bilangan ganjil yang lebih besar yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie daripada kalangan Hakim Mahkamah Utama Syariah yang dilantik (Khairul Nizzam, 2022).

Berdasarkan kepada struktur rayuan Mahkamah Syariah tersebut, dapat disimpulkan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai tiga peringkat rayuan untuk dirayu sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam enakmen pentadbiran agama Islam dan enakmen mahkamah syariah negeri-negeri sebagaimana rajah berikut:

Rajah 1: Struktur rayuan di Mahkamah Syariah



Berdasarkan gambar rajah 1 di atas, rayuan dimulai dengan keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah dan salah satu pihak tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, kemudian keputusannya dirayu ke Mahkamah Tinggi Syariah. Keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan salah satu pihak tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, kemudian keputusannya dirayu ke Mahkamah Rayuan Syariah. Dalam pada itu, bagi Negeri Perak pula keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah dan salah satu pihak tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, kemudian keputusannya dirayu ke Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak.

Sementara itu, bagi keputusan yang dimulai di Mahkamah Rendah Syariah dan dirayu ke Mahkamah Tinggi Syariah, kemudian salah satu pihak tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, pihak yang tidak berpuas hati tersebut boleh merayu keputusan ke Mahkamah Rayuan Syariah dengan syarat memfailkan permohonan kebenaran merayu terlebih dahulu. Begitu juga keputusan yang dimulai di Mahkamah Tinggi Syariah dan dirayu ke Mahkamah Rayuan Syariah, kemudian salah satu pihak tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan

Syariah, pihak yang tidak berpuas hati tersebut boleh merayu keputusan ke Mahkamah Utama Syariah dengan syarat memfailkan permohonan kebenaran merayu terlebih dahulu. Struktur mahkamah syariah masing-masing mempunyai bidang kuasa yang tersendiri dalam memutuskan apa-apa perkara yang telah dirayu berdasarkan kepada undang-undang.

Bidang kuasa Mendengar Rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah

Peruntukan mengenai bidang kuasa rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah terdapat di dalam perkara 63(a) & (b), Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Di negeri Johor, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh negeri dan hendaklah diketuai oleh seorang hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Seksyen 63 (1) di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam memperuntukan mengenai bidang kuasa rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah yang merangkumi bidang kuasa mal dan jenayah. Oleh kerana kajian ini menjurus kepada undang-undang mal sahaja, maka di bawah bidang kuasa mal, rayuan boleh berlaku ke atas mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah. Perkara yang boleh dirayu termasuklah amaun yang dituntut itu tidak kurang daripada RM1,000 dan semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri serta semua kes yang berhubungan dengan nafkah orang yang ditanggung kecuali keputusan kes yang ada persetujuan pihak-pihak tiada rayuan. Selain itu, Mahkamah Tinggi Syariah boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan mahkamah rendah atau menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh mahkamah rendah dan membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh mahkamah rendah atau memerintahkan perbicaraan semula dibuat.

Berdasarkan kepada bidang kuasa di atas, dapat disimpulkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan yang diketuai oleh seorang hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Mahkamah Tinggi Syariah boleh mendengar rayuan atas permohonan dari mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah dalam kes mal dengan memfailkan satu notis rayuan. Mahkamah Tinggi Syariah pula boleh mengekalkan atau membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan atau memerintahkan perbicaraan semula kes yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah dalam semua kes yang dirayu.

Bidang kuasa Mendengar Rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah

Mahkamah Rayuan Syariah juga mempunyai bidang kuasanya yang tertentu seperti yang diperuntukkan di dalam undang-undang. Di dalam menjalankan bidang kuasa asalnya mahkamah ini diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh mahkamah tinggi syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya. Oleh itu, apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Rayuan Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, maka mahkamah rayuan syariah boleh (atas permohonan mana-mana pihak) memutuskan sebarang persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu. Oleh yang demikian, apabila kebenaran telah diberikan oleh mahkamah rayuan syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan (yang dibenarkan dirujuk bagi keputusannya), serta membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh mahkamah tinggi syariah, dan yang difikirkannya adil bagi memutuskan rayuan tersebut.

Selain itu, di bawah bidang kuasa di Mahkamah Rayuan Syariah negeri Perak pula, terdapat beberapa pertambahan sub seksyen, iaitu berkaitan dalam apa-apa prosiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah Rayuan Syariah, berkaitan apa-apa arahan yang berdampingan dengannya yang tidak melibatkan keputusan prosiding tersebut, iaitu apa-apa perintah interim bagi mengelakkan daripada kemudaratan terhadap tuntutan pihak sementara menunggu pendengaran prosiding itu atau apa-apa perintah bagi jaminan kos dan bagi membuang sesuatu prosiding atas keingkaran memberikan jaminan yang diperintahkan sedemikian boleh dibuat pada bila-bila masa oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Selain itu juga, tiap-tiap permohonan di bawah sub seksyen (4) hendaklah disifatkan sebagai suatu prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah. Oleh itu, tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah sub seksyen (4) boleh apabila permohonan dibuat oleh pihak yang terkilan dalam tempoh 10 hari selepas perintah itu disampaikan, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh Mahkamah itu.

Berdasarkan kepada bidang kuasa di atas, dapat disimpulkan bahawa Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan yang diketuai oleh seorang pengurus dalam kalangan panel hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Mahkamah Rayuan Syariah boleh mendengar rayuan di atas permohonan dari mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah tinggi sama ada dalam kes mal atau kes jenayah. Mahkamah Rayuan Syariah juga boleh membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam semua kes yang dirayu dengan mengikut pendapat majoriti. Dalam pada itu, Mahkamah Rayuan Syariah juga boleh membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan yang dimulai oleh Mahkamah Rendah Syariah setelah mendapat kebenaran merayu terlebih dahulu daripada Mahkamah Rayuan Syariah dengan melihat kepada persoalan undang-undang yang dikemukakan oleh pihak perayu.

Bidang Kuasa Mendengar Rayuan di Mahkamah Utama Syariah (Negeri Perak)

Mahkamah Utama Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan Syariah di bawah bidang kuasa rayuannya berkenaan perkara yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Selain itu, apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Utama Syariah boleh (atas permohonan mana-mana pihak di hadapan seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah) memutuskan sebarang persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Rayuan Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu. Selain itu juga, apabila kebenaran kepada permohonan di bawah subseksyen (2) telah diberikan oleh Mahkamah Utama Syariah, mahkamah itu hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan untuk dirujuk bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Rayuan Syariah dan yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu.

Oleh yang demikian, dalam apa-apa prosiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah Utama Syariah, apa-apa arahan yang bersampingan dengannya yang tidak melibatkan keputusan prosiding itu, apa-apa perintah interim bagi mengelakkan kemudaratan pada tuntutan pihak sementara menunggu pendengaran prosiding itu, apa-apa perintah bagi jaminan kos dan bagi pembuangan sesuatu prosiding atas keingkaran memberikan jaminan yang diperintahkan sedemikian, boleh pada bila-bila masa dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah. Oleh itu, tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (4)

hendaklah disifatkan sebagai suatu prosiding di Mahkamah Utama Syariah dan tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) boleh, apabila permohonan dibuat oleh pihak yang terkilan dalam tempoh 10 hari selepas perintah itu disampaikan, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh Mahkamah itu.

Berdasarkan kepada bidang kuasa di atas, dapat disimpulkan bahawa Mahkamah Utama Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan yang diketuai oleh Ketua Hakim Syarie sebagai pengurus Mahkamah Utama Syariah. Mahkamah Utama Syariah boleh mendengar rayuan atas permohonan dari mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah sama ada dalam kes mal atau jenayah. Mahkamah Utama Syariah, boleh membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah dalam semua kes yang dirayu dengan mengikut pendapat majoriti hakim yang menganggotai Mahkamah Utama Syariah. Dalam pada itu, Mahkamah Utama Syariah juga boleh membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan yang dimulai oleh Mahkamah Tinggi Syariah setelah mendapat kebenaran merayu terlebih dahulu daripada Mahkamah Utama Syariah dengan melihat kepada persoalan undang-undang yang dikemukakan oleh pihak perayu.

Cadangan Penambahbaikan Bidang Kuasa Mendengar Rayuan di Mahkamah Syariah dari Perspektif Pengamal Undang-Undang Syariah

Dalam membincangkan cadangan penambahbaikan baru berkaitan bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah, adalah penting untuk diteliti apakah bentuk cadangan bidang kuasa yang dicadangkan oleh informan. Bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa yang luas berbanding mahkamah sivil. Namun, perspektif informan dalam kertas kerja ini memberikan cadangan baru untuk meminda beberapa peruntukan undang-undang. Hasil temu bual yang dijalankan ke atas semua informan, penulis membahagikan kepada lima cadangan penambahbaikan bidang kuasa rayuan sebagaimana berikut:

- 1) Bidang kuasa mahkamah rayuan tertinggi.

Majoriti informan berpendapat bahawa perlu diwujudkan satu lagi tingkat rayuan di mahkamah syariah negeri-negeri sebagaimana di Mahkamah Syariah di Negeri Perak. Ini berdasarkan respon beberapa informan seperti berikut:

Informan 2: "...jadi perlu kepada satu lagi mahkamah seperti yang di Perak, mahkamah utamalah...."

Informan 4: "...bidang kuasa rayuan daripada rayuan daripada mahkamah syariah tadi boleh dibuat ke mahkamah yang lebih tinggi lagi mungkin namanya mahkamah utama di Perak...."

Informan 5: "...jadi kuasa itu perlu diberikan dengan lebih besar lagi walaupun mahkamah rayuan itu mahkamah yang mendengar atas rayuan sahaja...."

Informan 6: "...bidang kuasa rayuan mahkamah sedia ada hendaklah mencontohi inisiatif Negeri Perak yang telahpun menubuhkan Mahkamah Utama Syariah...."

Informan 7: “....pointnya mewujudkan satu lagi mahkamah iaitu mahkamah utama syariah ataupun apa-apa saja nama yang elok sebagaimana yang telah tertubuh di negeri Perak pada 2018....”

Informan 8: “....bila bidang kuasa dah tinggi, mahkamah rayuan pun akan ikut lah. Dia ada kaitan tu. Bila dah tinggi mesti kita akan wujudkan 4 tingkat mahkamah macam di Perak....”

Informan 9: “....sepatutnya ada lah satu lagi peringkat....”

Informan 10: “....dengan adanya mahkamah di tingkatan yang ke 4 tu, kita memberikan keadilan....”

Informan 11: “....kita perlu mengadakan mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah Rayuan Syariah....”

Informan 14: “....penubuhan 4 peringkat mahkamah: Mahkamah utama....”

Terdapat segolongan pihak yang menyokong penuh untuk mewujudkan Mahkamah Utama Syariah di setiap negeri sebagaimana di negeri Perak. Sungguhpun cadangan ini dilihat baik, namun ia sesuatu yang bersyarat. Sekiranya syarat ini dipenuhi, barulah Mahkamah Utama Syariah ini berkemungkinan akan wujud disetiap negeri. Oleh itu, pelbagai faktor perlu diteliti dan dipertimbangkan sebelum dikemukakan kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

2) Bidang kuasa kebenaran merayu

Cadangan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan ini boleh dilihat dari sudut mewujudkan bidang kuasa kebenaran merayu di dalam enakmen. Bidang kuasa ini mampu menghalang perayu daripada membuat rayuan sebanyak dua kali di mahkamah yang berlainan. Cadangan ini dinyatakan oleh informan berikut:

Informan 3: “....kena ada kebenaran merayu bila kes tu di peringkat terakhirlah”

Informan 4: “....perlulah kebenaran untuk nak merayu sebab kesnya bermula dari kes mahkamah tinggi....”

Terdapat informan yang mencadangkan supaya bidang kuasa kebenaran merayu diwujudkan disetiap peringkat mahkamah rayuan supaya perayu tidak sewenang-wenangnya membuat permohonan rayuan dua kali. Mahkamah yang mendengar rayuan boleh melihat persoalan undang-undang yang dikemukakan oleh perayu sekiranya hendak membuat rayuan kali kedua di mahkamah yang tertinggi apabila tidak berpuas hati dengan keputusan rayuan mahkamah peringkat pertama.

3) Bidang kuasa hakim

Cadangan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan ini boleh dilihat dari sudut mewujudkan bidang kuasa hakim di dalam enakmen. Informan kajian menyebut:

Informan 2: “....jadi seeloknya biarlah ia dikendalikan oleh semua hakim-hakim dalam inservice....”

Informan 11: “....bidang kuasa rayuan oleh hakim bicara....”

Menurut informan, bidang kuasa hakim perlu diwujudkan supaya dapat memberi kuasa kepada hakim-hakim yang masih dalam perkhidmatan untuk mengendalikan prosiding rayuan dan bukan dikalangan hakim kontrak. Hal ini kerana hakim-hakim yang dalam perkhidmatan boleh mengikuti sebarang latihan berkaitan prosiding rayuan di mahkamah syariah.

4) Bidang kuasa pendaftar

Bidang kuasa pendaftar di mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa yang luas sebagaimana mahkamah sivil. Oleh itu, Pendaftar terikat dengan peruntukan sedia ada untuk menguruskan prosiding rayuan. Ini dinyatakan oleh informan berikut:

Informan 12: “....kena ada satu bidang kuasa untuk membolehkan pendaftar ini membuat satu keputusan....”

Informan 14: “....memperluaskan Kuasa Pendaftar di dalam Enakmen....”

Dapatan kajian menunjukkan cadangan memperluaskan bidang kuasa Pendaftar di dalam enakmen perlu diwujudkan. Hal ini kerana dapat meringankan tugas hakim yang mendengar rayuan. Sekiranya Pendaftar diberi kuasa dalam enakmen, beliau boleh membuat apa-apa keputusan berkaitan prosiding rayuan tanpa membuat rujukan kepada hakim bicara.

5) Bidang kuasa menghidupkan semula kes

Cadangan bidang kuasa berkaitan peruntukan menghidupkan semula kes dilihat wajar untuk diwujudkan berdasarkan realiti semasa. Informan kajian menyebut:

Informan 12: “...keputusan berkaitan dengan menghidupkan semula kes, memfailkan semua kes. Sekarang ni kita tak ada sistem yang jelas lah...”

Menurut informan, mewujudkan bidang kuasa menghidupkan semula kes adalah perkara yang sangat wajar. Hal ini kerana kebanyakan perayu akan membuat permohonan menarik balik kes atas sebab tidak mampu membayar kos guaman dan fi mahkamah atau kes rayuannya ditolak atas sebab perayu tidak hadir sepanjang tempoh prosiding rayuan. Sekiranya bidang kuasa ini diwujudkan, perayu boleh membuat permohonan menghidupkan semula kes di mahkamah yang terhenti rayuannya. Justeru, adalah wajar untuk mewujudkan semua cadangan bidang kuasa ini dalam sistem kehakiman syariah di Malaysia, sama ada dimasukkan dalam mana-mana peruntukan sedia ada atau dilaksanakan oleh hakim yang mendengar rayuan dengan mentafsir peruntukan sedia ada menurut budi bicara.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian ini, penulis mendapati bahawa objektif kajian ini tercapai di mana terdapat peruntukan bidang kuasa mendengar rayuan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama

Islam Negeri dan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri di mana Mahkamah Tinggi Syariah boleh mendengar rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh mendengar rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah dan bagi Negeri Perak pula, Mahkamah Utama Syariah boleh mendengar rayuan dari Mahkamah Rayuan Syariah. Dalam pada itu, Mahkamah Rayuan Syariah boleh mendengar rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Utama Syariah boleh mendengar rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah setelah mendapat kebenaran merayu terlebih dahulu dari mahkamah yang mendengar rayuan dengan mengemukakan persoalan undang-undang dan beberapa cadangan penambahan dari informan.

Sehubungan dengan itu, diharap kertas kerja ini dapat memberi pendedahan kepada orang awam dan pengamal undang-undang khususnya Hakim Syarie atau Peguam Syarie bahawa terdapat cadangan penambahbaikan berkaitan peruntukan bidang kuasa mendengar rayuan di dalam enakmen. Penulis mengharapkan kertas kerja ini dapat memberi panduan kepada orang awam dan pengamal undang-undang syariah khususnya Peguam Syarie ketika membuat permohonan rayuan di Mahkamah Syariah.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah satu daripada hasil kajian bagi penghasilan tesis Doktor Falsafah (Undang-Undang) bertajuk, ‘Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia’ dan penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pejabat Menteri Besar Johor atas dermasiswa dan Jabatan Perkhidmatan Awam atas penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) kepada penulis.

RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang, Mohd Norhusairi Mat Hussin, Mohd Zaidi Daud. (2021). Penghakiman Mahkamah Syariah Malaysia: Analisis Kes-Kes Terpilih. *Jurnal Syariah*. Jil 29 Bil 3 ISSN: 0128-6730
- Hussin Che Pa. (2016). Bidang Kuasa Eksklusif Mahkamah Syariah Selepas Pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan: Satu Penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law* Vol. 4. ISSN: 1985-7454
- Jasri Jamal. (2017). Transformasi Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Di Malaysia: Penilaian Semula Terhadap Hukuman Takzir. *Jurnal Kanun* 38. ISSN 0128-2670
- Al-Māwardī, Abū al-Hassan ‘Alī Ibn Ḥabīb al-Baṣrī. (1909). *Aḥkām al-Sultāniyyah*. Qāhirah: Maṭba‘ah al-Sa‘idah.
- Mohamed Azam Bin Mohamed Adil. (2000). Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana? *Shariah Journal*, Vol 8 No 2 ISSN: 0128-6730
- Muhammad Hashim Kamali. 1990. Appelate Review and Judicial Independence in Islamic Law. *Journal Islamic Studies* 29 No. 3 ISSN 0955-234
- Mohd Nadzri bin Abd Rahman. (2010). Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Nilai: Karya Kreatif Resources.
- Mohd Sabree Nasri. (2018). Akta 355 Dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah Di Malaysia. *Journal of Law and Governance*, Vol 1 No 1 eISSN: 2637-0743

Muhammad Khairul Nizzam Kassin. (2022). Pentadbiran & Pengurusan Kes Rayuan & Semakan Di Mahkamah Syariah. Kajang: Anaasa Publication.

Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad. (2008). Bidang Kuasa Hibah Di Mahkamah Syariah Di Malaysia. Shariah Journal, Vol 16 No 2 ISSN: 0128-6730

STATUT

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003)
Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018.

TEMU BUAL

Ab Rahman Thobroni bin Mohd Mansor. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Perak, 6 Oktober.

Ikbal bin Salam. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Johor, 30 Disember

Jaidi Bin Ahmad. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Putrajaya, 11 November.

Mohd Radzi Bin Abdul Latif. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Putrajaya, 22 November

Mohamad Shakir Bin Abdul Hamid. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Putrajaya, 22 November

Muhammad Fauzi Bin Uzir Abd Wahab. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Perak, 7 Oktober.

Muhamd Yusro Bin Borhan Nordin. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Putrajaya, 11 November

Naim Bin Mokthar. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Putrajaya, 22 November

Salehan Bin Yatim. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Selangor, 18 Oktober.

Syahrulnizam Bin Saat. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Johor, 1 Disember

Zainul Rijal Abu Bakar. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Selangor, 10 November.

Zulfikri bin Yasoa. 2022. Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tamu bual. Johor, 12 Disember